

BAB 8

PENUTUP

Bab ini akan merumuskan hasil kajian yang menyeluruh berhubung dengan bab yang terdahulu di samping mengemukakan kesimpulan yang selaras dengan tujuan kajian. Bab ini juga akan mengemukakan cadangan kajian seterusnya.

8.1 Ringkasan dan Kesimpulan Kajian

Kajian ini telah didahului dengan latar belakang kajian, tujuan, bidang, bahan, kaedah, hipotesis dan konsep asas kajian. Latar belakang kajian yang telah dibincangkan meliputi sejarah perkembangan bidang kesantunan berbahasa yang dikaitkan dengan konsep muka. Bermula dengan pendedahan konsep muka di kalangan orang China yang diketengahkan pada tahun 1944 oleh Hu Hsien Chin, konsep muka terus mendapat perhatian daripada pihak lain. Perkembangan dalam bidang kesantunan berbahasa telah dipaparkan secara global dan seterusnya tumpuan terhadap perkembangannya di Malaysia. Dalam perkembangannya di peringkat global, didapati bahawa wujud pandangan yang berbeza antara Barat dan Timur, namun terdapat pula persamaan di kalangan masyarakat Islam antarabangsa. Hal ini disebabkan kepercayaan beragama telah turut memainkan peranan dalam mempengaruhi strategi berbahasa sama ada di kalangan orang Arab atau orang Thai Muslim. Bagi perkembangannya di Malaysia, bidang ini belum begitu meluas dan kalau ada pun, kajian masih tertumpu di peringkat aplikasi model kesantunan sedia ada yang direka bentuk oleh tokoh-tokoh dalam bidang ini seperti model Grice, Leech, Brown & Levinson serta Ide.

Kajian ini berfokus terhadap empat tujuan kajian, iaitu untuk melihat kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan yang tidak setakat tertumpu pada strategi kesantunan berbahasa semata-mata, bahkan turut meliputi struktur majlis pertunangan, barang-barang artifak dalam majlis pertunangan serta kesantunan yang melibatkan perlakuan verbal dan bukan verbal semasa berunding. Tumpuan terhadap tujuan kajian itu akan menunjukkan sejauh mana kemampuan model kajian kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan yang berasaskan input Islam dapat dibuktikan.

Kesantunan orang Melayu dalam rundingan pertunangan dikaji dengan berdasarkan 19 buah majlis pertunangan yang dirakamkan. Rakaman yang dijalankan dengan menggunakan kamera video dan pita kaset rakaman adalah untuk mendapat maklumat tentang majlis pertunangan secara keseluruhan. Ini bagi membolehkan kajian teliti dilakukan untuk menganalisis data bagi struktur makro dan struktur mikro. Struktur makro bertujuan untuk melihat amalan perlakuan yang santun sejak ketibaan rombongan lelaki ke rumah pihak perempuan sehinggalah rombongan lelaki pulang. Manakala struktur mikro adalah untuk melihat perjalanan rundingan dengan memberi fokus terhadap perlakuan verbal dan bukan verbal serta strategi-strategi kesantunan yang dipilih dalam rundingan.

Peristiwa bahasa seperti majlis pertunangan, bukan sekadar mampu untuk menyingkap kesantunan berbahasa orang Melayu sewaktu menjalankan rundingan pertunangan, bahkan turut mampu menyingkap aspek-aspek bukan bahasa. Hal ini menggambarkan bahawa kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan

melibatkan faktor agama, budaya, sosial dan bahasa. Dengan berdasarkan majlis pertunangan, kajian ke atas kesantunan orang Melayu dijalankan secara menyeluruh.

Tujuh model kesantunan telah dibincangkan dan setiap satu daripadanya mempunyai kekuatan dan kelemahan. Kelemahan yang paling ketara ialah model-model tersebut kurang mampu untuk menggambarkan hakikat kesantunan orang Melayu yang mempunyai sistem nilai norma yang terbina atas landasan Islam. Sehubungan itu, keserasian model dilakukan dan dikemukakan model kesantunan orang Melayu yang berasaskan input Islam bagi menampung kelemahan tersebut.

Dalam struktur makro, prinsip kesantunan orang Melayu adalah berasaskan akhlak Islam yang merangkumi perlakuan berbaik-baik antara sama lain yang meliputi amalan beramah tamah, melayani tetamu serta adab berkunjung ke rumah orang yang merupakan turutan akhlak Rasulullah. Namun begitu, aspek budaya orang Melayu tidak ditinggalkan seperti peranan barang-barang artifak yang mempunyai makna yang terselindung digunakan untuk menyampaikan emosi dalam ikatan pertunangan.

Dalam struktur mikro, perlakuan verbal dan bukan verbal semasa berlangsungnya rundingan diberikan perhatian. Dalam perlakuan verbal, analisis dilakukan terhadap ambil giliran, pasangan adjesensi, pengulangan, penggunaan kata ganti nama diri dan panggilan serta jenis ayat bagi memaparkan aspek kesantunan verbal secara menyeluruh. Dalam struktur mikro ini juga, turut diperhatikan ialah perlakuan bukan verbal yang santun yang mengiringi perlakuan

verbal seperti cara duduk, ruang dan ekspresi muka. Manakala analisis terhadap setiap unit ujaran pula dilakukan untuk mengenal pasti strategi kesantunan berbahasa yang menggunakan kerangka kesantunan berasaskan input Islam.

Dalam Bab 4, dipaparkan tentang struktur dan organisasi majlis pertunangan. Struktur majlis pertunangan dibahagikan kepada dua, iaitu Struktur Makro dan Struktur Mikro. Dalam Struktur Makro, majlis pertunangan dianalisis dengan memerhati susunan atur cara serta perlakuan peserta dalam majlis sejak ketibaan rombongan lelaki sehingga rombongan pulang. Didapati 17 MP (89.47 %) berlangsung pada siang manakala 2 MP (10.53 %) pada malam hari. Dapatan menunjukkan bahawa susunan atur cara yang paling kerap diamalkan ialah atur cara yang mengandungi 7 atur cara yang dijalankan secara tertib dan tersusun yang bermula dari kedatangan rombongan, rundingan, doa, menyarung cincin, bertukar-tukar dulang, jamuan makan dan akhirnya rombongan pulang. Atur cara demikian menjadi pilihan utama dan terdapat dalam 15 MP (78.94 %).

Dalam Struktur Mikro tumpuan diberikan terhadap pengurusan rundingan dan dilihat daripada tiga peringkat rundingan, iaitu peringkat permulaan, pertengahan dan penutupan rundingan. Purata jangka masa rundingan ialah 15 minit.

Dalam Bab 4, dapatan menunjukkan tidak terdapat peraturan khusus tentang pihak yang sepatutnya membuka rundingan memandangkan rundingan yang dimulai oleh pihak lelaki terdapat dalam 10 MP (52.63 %) dan yang dimulai oleh wakil perempuan 9 MP (47.36 %). Dalam pembukaan rundingan, Salam

merupakan antara jenis pembuka kata yang paling tinggi digunakan iaitu digunakan oleh 16 pembuka rundingan (84.21 %) daripada 19 MP. Malahan Salam tetap menjadi jenis pembuka kata di kalangan wakil seterusnya (Penutur 2) sewaktu memulakan percakapannya, iaitu digunakan oleh 13 Penutur 2 (68.42 %). Penggunaan Salam jauh mengatasi penggunaan Bismillah dan Doa. Dalam ucapan alu-aluan didapati sebutan Tujuan jauh lebih tinggi, iaitu sebanyak 17 Penutur 1 (89.47 %) menyebutkannya berbanding perkara-perkara lain yang berada pada paras bawah daripada 50 %. Sebutan Tujuan turut menjadi pilihan kepada Penutur 2 iaitu 15 (78.94 %).

Rundingan pada peringkat pertengahan didapati berfokus pada beberapa aspek komponen pertunangan. Dapatan menunjukkan aspek komponen tempoh pertunangan dan tarikh perkahwinan menjadi perkara yang paling kerap dibincangkan, iaitu telah dibincangkan dalam 18 MP (94.73 %). Aspek komponen seperti belanja hantaran disebut dalam 17 MP (89.47 %) dan mas kahwin pula disebut dalam 16 MP (84.21 %). Tiga aspek komponen ini didapati menjadi tumpuan dalam rundingan pertunangan. Dalam peringkat penutupan, didapati ucapan Terima Kasih menjadi isi kandungan penutupan yang tertinggi, iaitu diucapkan oleh kedua-dua penutur yang berjumlah 15 (39.47 %) daripada 38 jumlah wakil utama dalam 19 MP. Dapatan menunjukkan ucapan penutupan tidak sekemas dan sebaik ucapan dalam pembukaan rundingan, malahan Salam hanya diujarkan oleh 10 wakil (26.31 %) sahaja. Walau bagaimanapun, tindakan tersebut tidak menjejaskan majlis memandangkan terdapat bacaan doa setelah berakhirnya rundingan. Sehubungan itu, kelemahan dalam ucapan penutupan ditutup dengan bacaan doa yang dianggap lebih bermakna di kalangan hadirin.

Dalam Bab 5, dibentangkan hasil kajian tentang Analisis Perlakuan Verbal dan Bukan Verbal yang berasaskan Struktur Mikro. Perlakuan verbal dilihat dari sudut ambil giliran, pasangan adjesensi, pengulangan, pemilihan kata ganti nama diri dan panggilan serta jenis ayat. Semua perkara tersebut mempengaruhi suasana rundingan. Dapatan menunjukkan terdapat 6 penanda ambil giliran berlaku dalam rundingan pertunangan. Penanda ambil giliran menerusi Ujaran Lengkap Penyata merupakan penanda tertinggi yang mencapai sebanyak 56.18 % dan diikuti dengan penanda Ujaran lengkap tanya yang mencapai 21.49 %. Keenam-enam penanda ambil giliran tersebut telah mengelakkan berlakunya pemotongan percakapan dan ini merupakan satu perlakuan yang santun. Perkara ini mempengaruhi perlakuan pasangan adjesensi dan dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 155 pasangan pertanyaan - respons daripada penutur yang berikutnya. Terdapat sebanyak 147 pasangan pernyataan -- respons. Ini merupakan bentuk pasangan adjesensi yang jelas berlaku dalam rundingan pertunangan.

Bab 5 ini juga turut memaparkan perlakuan pengulangan dan didapati terdapat sebanyak 283 kali pengulangan berlaku dan bilangan pengulangan bergantung kepada bilangan ujaran dalam sesuatu rundingan. Dalam MP bilangan ujaran sebanyak 370 merupakan bilangan tertinggi antara 19 MP dan mempunyai pengulangan tertinggi sebanyak 46 kali (16.25 %). Tidak terdapat pengulangan dalam MP 4 yang mempunyai bilangan ujaran sebanyak 30. Pengulangan paling tinggi berlaku bagi Domain Masa yang berjumlah sebanyak 59 frasa (23.41 %) dan diikuti dengan Domain Wang sebanyak 54 frasa (21.42 %). Ini menunjukkan bahawa pengulangan berlaku dalam domain-domain yang penting yang ada

perkaitan dengan aspek komponen pertunangan seperti Tempoh Pertunangan dan Belanja Hantaran dan Mas Kahwin (Seperti yang terdapat dalam Bab 5 Struktur Mikro).

Dalam Bab 6, kajian tertumpu pada Analisis Artifak Dalam Majlis Pertunangan. Pihak lelaki diwakili oleh anggota rombongan tiba ke rumah perempuan dengan membawa dulang-dulang hantaran dan yang terpenting ialah tepak sirih dan cincin pertunangan. Dapatan menunjukkan semua dulang hantaran berada dalam angka ganjil. Dapatan menunjukkan bahawa 100.00 % rombongan lelaki membawa tepak sirih dan cincin pertunangan. Kelompok bilangan dulang antara 7 hingga 9 dulang telah dipilih oleh 13 pihak lelaki (68.42 %) dan merupakan kelompok pilihan yang tertinggi. Pihak perempuan akan membalas dulang hantaran dan bilangan dulang hantaran akan dilebihkan antara 2 hingga 4 dulang. Kelompok dulang pihak perempuan yang tertinggi adalah antara 11 hingga 13 dulang yang melibatkan 13 pihak perempuan (68.42 %). Purata dulang hantaran ialah 9 bagi pihak lelaki dan 12 bagi pihak perempuan, manakala purata bagi setiap lelaki dan perempuan ialah 21 dulang. Barang-barang yang diisi ke dalam dulang dikenali sebagai dulang hantaran dan setiap barang itu membawa makna yang tersendiri dan yang paling penting sebagai buah tangan.

Bab 7 memaparkan Analisis Strategi Kesantunan Berbahasa Dalam Rundingan Pertunangan. Sebanyak 8 kategori strategi menguasai perlakuan berbahasa yang dipecahkan kepada 38 strategi khusus untuk menentukan strategi bagi setiap unit ujaran. Dapatan menunjukkan Kategori Berhemah yang mengandungi 13 strategi menguasai bilangan ujaran yang terbanyak, iaitu 1091

(33.40 %). Kategori Matlamat mengikuti di belakangnya dengan bilangan ujarannya sebanyak 642 (19.65 %). Kategori-kategori lain yang mencapai paras melebihi 10 % ialah Kategori Rujukan Sumber (12.66 %) dan Kategori Kerjasama (12.52 %). Kategori Penghargaan merupakan kategori terendah dengan bilangan sebanyak 118 (3.61 %). Strategi Hebahan daripada Kategori Matlamat merupakan strategi tertinggi yang menguasai sebanyak 453 unit ujaran (13.87 %). Strategi Minta Maklumat daripada Kategori Berhemah berada di tempat kedua dengan bilangannya sebanyak 211 (6.46 %). Dapatan ini menunjukkan bahawa matlamat pertunangan untuk menghebahkan beberapa perkara dibuktikan apabila Strategi Hebahan yang terdiri daripada ayat penyata menguasai rundingan. Manakala Strategi Minta Maklumat yang terdiri daripada ayat tanya merupakan strategi kedua tertinggi membuktikan bahawa berlaku sesi soal jawab dan suasana rundingan benar-benar wujud dalam rundingan tersebut.

Dalam Bab 7 ini juga dipaparkan tentang Ketersiratan yang merupakan strategi utama yang menguasai sebahagian besar perlakuan pertuturan orang Melayu. Ketersiratan didapati bukan sahaja menguasai perlakuan verbal, bahkan turut menguasai perlakuan bukan verbal. Dalam perlakuan verbal, Ketersiratan merupakan sifat beberapa strategi yang didapati menyembunyikan maksud ujaran dengan menyampaikannya secara tidak langsung. Antara strategi yang bersifat Ketersiratan sepenuhnya ialah Strategi Kiasan, Strategi Rujukan Sumber, Strategi Ungkapan Rabbani dan Strategi Cadangan. Walaupun Grice (1975), Leech (1983) dan Brown & Levinson (1987) berpendapat bahawa Ketersiratan sebagai strategi bagi mengurangkan TAM sewaktu mengungkapkan lakuan bahasa seperti permintaan dan teguran, tetapi hal ini berbeza dengan dapatan kajian ke atas orang

Melayu. Dapatan menunjukkan Ketersiratan di kalangan orang Melayu tidak semata-mata wujud dalam lakuan bahasa berbentuk permintaan atau teguran, bahkan Ketersiratan juga wujud untuk mengungkapkan lakuan bahasa kegembiraan dan kemesraan. Ketersiratan didapati bukan sahaja berada dalam satu unit ujaran bahkan Ketersiratan menjadi sifat utama bagi puisi Melayu seperti pantun dan perbilangan adat yang ditemui dalam kajian ini. Jumlah pantun yang ditemui adalah sebanyak 18 rangkap yang terdiri daripada 68 unit ujaran dan perbilangan adat yang terdiri daripada 34 ujaran. Dapatan juga mendapati bahawa Ketersiratan dalam pertuturan orang Melayu turut menguasai gaya pertuturan yang berlegar-legar dan mengambil masa sebelum menyatakan maksud sebenarnya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jumlah ujaran yang dikelompokkan sebagai Ketersiratan adalah sebanyak 1276 (39.03 %) daripada keseluruhan ujaran sebanyak 3266.

Dapatan kajian yang telah dipaparkan menerusi 4 jenis analisis di dalam 4 bab (Bab 4, 5, 6 dan 7) telah mencapai tujuan kajian ini yang berhasrat untuk mencungkil struktur majlis pertunangan, perlakuan verbal dan bukan verbal, artifak pertunangan dan strategi kesantunan berbahasanya. Keempat-empat bab itu telah memaparkan amalan perlakuan verbal dan bukan verbal yang menjadi peraturan dalam majlis pertunangan. Ini menjelaskan bahawa kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan dikuasai oleh dua bentuk perlakuan iaitu perlakuan bahasa dan bukan bahasanya. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa perlakuan kedua-duanya sama berat dan saling melengkapi

Tesis ini bukan sahaja telah menyumbang ke arah penerokaan kesantunan perlakuan verbal, bahkan turut menyumbang ke arah penerokaan perlakuan bukan verbal dalam majlis pertunangan dengan mengemukakan alasan-alasan terhadap amalan yang mengandungi pelbagai maksud yang tersirat. Sumbangan yang tidak kurang pentingnya ialah kajian ini telah mengemukakan teoritis kesantunan orang Melayu berserta datanya yang tulen bagi menggambarkan hakikat sebenar kesantunan perlakuan orang Melayu dalam majlis pertunangan.

8.2 Cadangan Kajian Selanjutnya

Memandangkan kajian ini hanya tertumpu pada majlis pertunangan, dicadangkan supaya kajian selanjutnya dijalankan dalam peristiwa bahasa yang lain dengan menggunakan input Islam. Dengan itu, model kajian ini yang menggunakan input Islam akan lebih diuji kemampuannya dan menyeluruh cakupannya.